

Menteri Besar baharu dipilih ganti Ahmad Faizal

Saarani angkat sumpah hari ini

Dewan Rakyat

Oleh **MUHAMAD TARMIZE**
MOHD. NOR dan ASLIZA MUSA

IPOH – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah semalam berkenan melantik Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Tampan, Datuk Saarani Mohamad sebagai Menteri Besar Perak Ke-14.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Kepada Sultan Perak, Kolonel (B) Datuk Abd. Rahim Mohamad Nor berkata, perkenan baginda itu dibuat berpandukan Perkara XVI, Fasal 2(a), Undang-undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan.

“Pada pertimbangan baginda, Datuk Saarani boleh mendapat kepercayaan sebahagian besar daripada ADUN untuk dilantik sebagai Menteri Besar Perak.

“Oleh sebab itu, baginda menetapkan 10 Disember (hari ini) pada pukul 11 pagi untuk istiadat mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar Perak di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar,” katanya dalam kenyataan yang dibacakan Ahli Dewan Negara Perak, Datuk Seri Mohd. Annuar Zaini di luar Istana Kinta di sini semalam.

Terdahulu, Saarani, 59, tiba di Istana Kinta bagi menghadap Sultan Nazrin dan dilihat beredar pada pukul 5.58 petang sambil tersenyum dan melambai tangan ke arah pemberita.

Kesemua ADUN Pas iaitu Razman Zakaria (Gunung Semangol), Mohd. Akmal Kamaruddin (Selama) dan Khalil Yahaya (Kubu Gajah) dilihat turut meng-



AHMAD ZAHID (duduk, kiri) bersama Muhyiddin (tengah) dan Abdul Hadi menandatangani persetujuan pelantikan Menteri Besar Perak di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur semalam.



SAARANI selepas meninggalkan Istana Kinta di Ipoh semalam.

hadap Sultan Perak pada pukul 4.30 petang.

Turut menghadap, tiga

ADUN daripada Bersatu, Datuk Zainol Fadzi Paharuddin (Sungai Manik), Datuk Nolee

Ashilin Mohammed Radzi (Tua-lang Sekah) dan Datuk Abdul Yunus Jamahri (Kuala Kurau). Dua lagi ADUN yang turut serta menghadap baginda adalah Paul Yong Choo Keong (Bebas-Tronoh) dan A. Sivasubramaniam (Gerakan-Buntong).

Jawatan Menteri Besar Perak menjadi tanda tanya apabila kemelut politik antara parti-parti tidak dapat diputuskan sejak Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu letak jawatannya Sabtu lalu.

Terdahulu di **Kuala Lumpur**, Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Presiden Pas, Datuk Seri Hadi Awang dan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahiđ Hamidi memeterai persetujuan bersama bagi memilih Menteri Besar Perak.